



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERLIS**

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735
04-9762657/9762744
Faks : 04-9762668
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.Ps (A) 0036 Jld.38 (16)
Tarikh : 5 September 2019

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Pusat Tanggungjawab
Negeri Perlis**

Tuan / Puan,

TATACARA KUNCI MASUK BAYARAN BALIK EFT DITOLAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, proses kunci masuk Bayaran Balik EFT Batal adalah merujuk kepada Manual Latihan Bayaran Balik EFT Batal AP-21100N. Proses kunci masuk adalah wajib mengikut langkah-langkah pada manual latihan tersebut dan tidak boleh dikunci masuk secara manual pada ruangan No. Cek/EFT dan baris caj (chargeline) bagi mengelakkan implikasi-implikasi seperti berikut:

- i. Status pada laporan Senarai Cek/EFT yang dibatalkan ZWDAPR041 kekal pada status dibatal sahaja dan belum diganti (status 1) walaupun penggantian telah dibuat.
- ii. Nombor EFT/Cek yang telah diganti masih ada pada kod pembekal di modul Bayaran Balik EFT.
- iii. PTJ akan berisiko membuat bayaran balik EFT lebih daripada sekali berikutan EFT tersebut berstatus belum diganti pada laporan dan data EFT masih boleh diakses pada sub- modul Bayaran Balik EFT.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan adalah diminta untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai di PTJ tuan/puan mengunci masuk Bayaran Balik EFT tersebut dengan mengikut tatacara yang sebenar.

4. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT untuk rujukan dan perhatian tuan/puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai di Unit Akaun seperti berikut:

- | | |
|--|-------------|
| i. Encik Ahmad Nizam bin Hj Abd Rahman | 04-976 2766 |
| ii. Cik Noorshuhaily binti Zainal | 04-976 2766 |
| iii. Puan Nor Nabilah binti Azizon | 04-976 2766 |

5. Kerjasama dan tindakan segera pihak tuan/puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menandatangani amanah,

(MAZIAH BINTI MUSA C.A (M))

Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Perlis